

NO. SOALAN: 132

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD [PASIR GUDANG]**

RUJUKAN : 7266

SOALAN:

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca berlakunya pencetakan bahan bacaan kanak-kanak yang boleh menyebabkan pemesongan akidah sedangkan bahan bacaan tersebut sepatutnya ditapis dahulu oleh Jabatan Penerbitan Nasional dan apakah tindakan yang diambil bagi memastikan perkara sebegini tidak berlaku lagi.

JAWAPAN:

Berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 2012, bahan penerbitan yang diterbitkan hanya sekali keluaran sahaja termasuk bahan bacaan kanak-kanak seumpama itu tidak tertakluk kepada keperluan permit penerbitan. Oleh yang demikian, penjualan dan pengedarannya di pasaran dalam negara adalah dibenarkan.

Namun demikian jika bahan bacaan berkenaan ada mengandungi unsur-unsur yang boleh menyebabkan pemesongan akidah sehingga boleh menjejaskan ketenteraman awam serta memudaratkan keselamatan negara, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan mengikut peruntukan Akta berkenaan.

Mana-mana bahan penerbitan yang disyaki mengandungi unsur-unsur yang boleh menyebabkan pemesongan akidah akan ditahan untuk menjalani proses kajian dan analisis serta dirujuk kepada Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) untuk mendapatkan perakuan sama ada akan dikenakan Perintah Larangan mengikut Akta berkenaan.

Jika didapati ada asas-asas yang kukuh penerbitan berkenaan mengandungi unsur-unsur yang boleh memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara, Kementerian akan mengeluarkan suatu perintah di bawah Perintah Mesin Cetak

dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Tak Diingini) mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 mengenakan perintah larangan terhadap penerbitan tersebut dan pengedarannya ditegah di seluruh negara.

Di samping itu, Kementerian boleh mengambil tindakan mengikut seksyen 8 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 iaitu, sesiapa yang mencetak, mengimport, menghasilkan, menghasilkan semula, menerbit, menjual, mengeluarkan, mengeliling, menawarkan untuk menjual, mengedar atau ada dalam miliknya bagi apa-apa jua maksud seperti itu apa-apa hasil penerbitan larangan adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Mana-mana individu, orang ramai atau pertubuhan boleh membuat aduan atau laporan kepada pihak berkuasa agama, Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri melalui mekanisme saluran media cetak, elektronik mahupun internet jika terdapat penerbitan agama seumpama itu yang jelas menyalahi undang-undang negara.